



UNIVERSITI  
PENDIDIKAN  
SULTAN IDRIS

اونيورسيتي فنديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

# **BUKU PANDUAN KEMASUKAN PELAJAR BAHARU**

## **IJAZAH SARJANA MUDA SESI AKADEMIK 2014/2015 (FEBRUARI)**

## PENDAHULUAN

Tahniah dan syabas kepada saudara/i kerana telah terpilih memasuki Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Buku Panduan Kemasukan Pelajar Baru Peringkat Ijazah Sarjana Muda ini disediakan sebagai panduan dan maklumat kepada bakal pelajar mengenai perkara-perkara yang perlu dilakukan semasa saudara/i melaporkan diri dan perkara-perkara yang mesti dipatuhi sebaik sahaja saudara/i menjadi pelajar.

Selamat menjadi warga UPSI dan selamat menempuhi alam pengajian tinggi.

Tahniah !!

## SENARAI SEMAKAN

Untuk memudahkan urusan pendaftaran kemasukan saudara/i, sila **pastikan** bahawa perkara-perkara berikut telah dilakukan:

1. Semak status saudara/i di laman web ini iaitu :  
<http://www.upsi.edu.my/kemasukan/tawaran/>
2. Memilih **setuju terima/menolak** penawaran.
3. Memilih sah dan terima **Aku Janji Pelajar (Online)**
4. **Cetak** dari laman web UPSI (*laman web semakan*), perlu diisi dan dibawa pada hari pendaftaran.
  - i. **Surat Tawaran Kemasukan (Online).**
    - *Surat tawaran kemasukan (online) ini adalah surat tawaran asal dan hanya dikeluarkan sekali (1) sahaja. Sila pastikan saudara/i membuat salinan yang secukupnya.*
  - ii. **Pelekat Kenderaan**
  - iii. **Borang Biodata Pelajar (B1)**
    - Sila muat turun di url : [\[klik di sini\]](#)
  - iv. **Borang Permohonan Penginapan Kolej Kediaman (B2)**
    - Sila muat turun di url : [\[klik di sini\]](#)
  - v. **Borang Unit Kaunseling dan Kerjaya (B3)**
    - Sila muat turun di url : [\[klik di sini\]](#)
  - vi. **Borang Laporan Pemeriksaan Kesihatan (B4)**
    - Sila muat turun di url : [\[klik di sini\]](#)
  - vii. **Keperluan-keperluan seperti dalam nota makluman Permohonan Pinjaman Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)**
    - Sila muat turun di url : [\[klik di sini\]](#)
  - viii. **Borang Perakuan Penerimaan Tawaran**
    - Sila muat turun di url : [\[klik di sini\]](#)
  - ix. **Borang Perakuan Pelepasan Tuntutan Penempatan**
    - Sila muat turun di url : [\[klik di sini\]](#)
5. **Cetak Slip Pendaftaran Kursus serta Jadual Kuliah pada 03 Februari 2015 (Selasa).**
6. Sila buat pembayaran yuran pengajian di Cawangan Bank Islam di seluruh Malaysia mulai atau pada **28 Januari 2015 (Rabu)**. (Bayaran Minima adalah sebanyak **RM1000.00**)
7. Sila 'upload'(muatnaik) gambar berukuran paspot ke <http://umpc.upsi.edu.my> untuk urusan kad matrik/kad pelajar mulai **29 Januari 2015 (Khamis)** dan selewat-lewatnya pada **5 Februari 2015 (Khamis)**. Sila rujuk Mukasurat 12 Perkara 4.

### Fakulti Dan Program Yang Ditawarkan

Pada Sesi Akademik 2014/2015 (Februari) kali ini, sebanyak **tujuh (7)** fakulti yang secara keseluruhannya menawarkan **dua puluh empat (24)** program Ijazah Sarjana Muda seperti berikut:

FAKULTI	KOD	PROGRAM
FMSP	AT22	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Muzik) dengan Kepujian
FPEK	AE02	Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian
	AE11	Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Sumber Manusia) dengan Kepujian
	AE14	Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Perkhidmatan Kewangan) dengan Kepujian
FPPM	AT10	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Khas) dengan Kepujian
	AT04	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling) dengan Kepujian
	AT19	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Awal Kanak-kanak) dengan Kepujian
FPTV	AT07	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Ekonomi Rumah Tangga) dengan Kepujian
	AT09	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sains Pertanian) dengan Kepujian
	AT31	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Kemahiran Hidup) dengan Kepujian
FSKIK	AT23	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Seni) dengan Kepujian
	AT46	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Multimedia) dengan Kepujian
	AT47	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Teknologi Reka Bentuk Berkomputer) dengan Kepujian
	AC10	Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Perisian (Perisian Pendidikan) dengan Kepujian
	AH16	Ijazah Sarjana Muda Reka Bentuk (Pengiklanan) dengan Kepujian
	AH17	Ijazah Sarjana Muda Reka Bentuk (Animasi) dengan Kepujian
FSSKj	AT03	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sains Sukan) dengan Kepujian
	AT59	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Jasmani) dengan Kepujian
	AS74	Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan (Sains Kejurulatihan) dengan Kepujian
	AS20	Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan (Psikologi Sukan) dengan Kepujian
FSK	AT32	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sejarah) dengan Kepujian
	AT33	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Geografi) dengan Kepujian
	AT35	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan Kepujian
	AT41	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Moral) dengan Kepujian

### Sistem Akademik

Universiti mengamalkan sistem semester. Program Ijazah Sarjana Muda mengambil masa selama 8 semester (4 tahun).

## SYARAT – SYARAT TAWARAN KEMASUKAN

### 1. Syarat Penerimaan Masuk

Tawaran masuk ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

1.1 Menjelaskan bayaran-bayaran seperti dinyatakan dalam tawaran kemasukan.

1.2 Anda mesti mengesahkan penerimaan tawaran ini dengan segera melalui laman web [www.upsi.edu.my/kemasukan/tawaran](http://www.upsi.edu.my/kemasukan/tawaran). Sekiranya Universiti tidak menerima pengesahan daripada anda, anda akan dianggap menolak tawaran dan seterusnya tawaran ini luput dengan sendirinya dan tempat anda akan ditawarkan kepada calon lain. **KAMI TIDAK AKAN MENGHANTAR PERINGATAN SECARA POS.**

Tawaran ini **terbatal** sekiranya :

1.3.1 anda adalah seorang Pegawai Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia.

1.3.2 anda adalah **seorang penuntut** yang sedang mengikuti pengajian di maktab-maktab perguruan atau institusi-institusi pendidikan tinggi dalam atau luar negara atau sedang mengikuti program pendidikan jarak jauh atau seumpamanya di institusi-institusi pendidikan tinggi tempatan.

1.3.3 anda gagal melaporkan diri, walaupun anda telah mengesahkan penerimaan tawaran ini, kecuali kebenaran untuk mendaftar lewat setelah mendapat keizinan daripada pihak UPSI.

1.4 **UPSI berhak menarik balik tawaran** ini pada bila-bila masa atau menyingkirkan anda pada mana-mana peringkat tempoh pengajian apabila didapati kenyataan dan maklumat yang anda berikan adalah tidak benar.



### 2. Etika Pelajar

Sepanjang tempoh pengajian, anda dikehendaki:

2.1 mematuhi undang-undang negara dan undang-undang Universiti iaitu Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti, Statut, Kaedah dan Peraturan dan keputusan yang dibuat oleh pihak berkuasa Universiti dari semasa ke semasa;

2.2 sentiasa memelihara nama baik Universiti dan menjaga harta serta kemudahan-kemudahan perkhidmatannya dari dirosakkan oleh sesiapa juga;

~ UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS ~

~Sultan Idris Education University~

Don't forget!

Tempoh pengesahan menerima tawaran/menolak tawaran sehingga 2 Februari 2015 (Isnin) sahaja!!!!

- 2.3 tidak melibatkan diri dalam sebarang kegiatan yang menghalang perjalanan dan urusan Universiti seperti memulaukan kuliah dan sebagainya atau melibatkan diri dengan kegiatan-kegiatan yang boleh menjejaskan nama baik Universiti;
- 2.4 menghormati para pegawai dan pensyarah Universiti;
- 2.5 bekerjasama dengan Pengetua–Pengetua Kolej Kediaman dan patuh kepada peraturan-peraturan Kolej Kediaman sama ada anda penghuni atau tidak ;
- 2.6 mengambil bahagian dalam semua kegiatan akademik, kebudayaan, sukan serta khidmat masyarakat yang dilaksanakan oleh Universiti untuk anda; *dan*
- 2.7 menjelaskan semua yuran yang dikenakan pada tarikh yang ditetapkan oleh Universiti.

### 3. Peraturan Pakaian

Sepanjang tempoh pengajian, anda dikehendaki mematuhi Peraturan Pakaian yang ditetapkan seperti berikut:

#### 3.1 Peraturan Pakaian Pelajar Lelaki

- 3.1.1 setiap pelajar hendaklah berpakaian yang sesuai dan kemas iaitu berseluar panjang dengan berbaju kemeja lengan panjang dan bertali leher. Bahagian bawah baju hendaklah dimasukkan ke dalam bahagian seluar pada paras pinggang;
- 3.1.2 berambut pendek, kemas dan tidak mencecah kolar baju. Fesyen rambut tidak keterlaluan dan perlu bersesuaian dan kemas;
- 3.1.3 memakai seluar panjang yang bersih, kemas dan sopan. Pakaian jeans tidak dibenarkan sama sekali;
- 3.1.4 memakai pakaian sukan yang sesuai semasa bersukan atau berekreasi;
- 3.1.5 memakai kasut kulit dan berstokin.

#### 3.2 Peraturan Pakaian Pelajar Perempuan

- 3.2.1 Setiap pelajar hendaklah berpakaian yang sesuai, seperti berbaju kurung, kebaya labuh atau pakaian etnik masing-masing yang sesuai, kemas dan tidak menjolok mata. Baju mestilah berlengan panjang atau paras siku dan tidak sendat serta tidak menunjukkan bentuk tubuh badan;

- 3.2.2 Pelajar Islam digalakkan bertudung tetapi tidak menutup sebahagian atau seluruh daripada muka (berpurdah);
- 3.2.3 Memakai seluar yang bersesuaian, bersih dan sopan. Jeans dan kemeja T tidak dibenarkan sama sekali;
- 3.2.4 Memakai “make-up”, aksesori dan pewangi secara sederhana;
- 3.2.5 Memakai kasut yang menutup jari kaki, lereng kaki dan tumit.

#### 4. Kolej Kediaman

Anda dikehendaki tinggal di asrama yang disediakan oleh Universiti untuk tempoh sekurang-kurangnya **satu tahun akademik (dua semester)**. Bayaran penuh akan dikenakan sekiranya anda keluar dari asrama pada bila-bila masa sebelum mencukupi tempoh di atas.

#### 5. Program Yang Ditawarkan

Program yang ditawarkan kepada anda adalah muktamad berdasarkan kepada kelayakan yang anda miliki dan anda **tidak dibenarkan menukar program pengajian**. Anda juga **tidak dibenarkan menanggung kemasukan** ke UPSI. **Menanggung kemasukan akan dianggap menolak tawaran.**

#### 6. Kuliah

Kuliah akan bermula pada **16 Februari 2015 (Isnin)** iaitu satu (1) minggu selepas minggu suai kenal berlangsung tetapi anda dikehendaki mendaftarkan diri lebih awal seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran. Sila pastikan anda mencetak slip Pendaftaran Kursus & Jadual Kuliah yang akan dipaparkan di url semakan jaya iaitu [www.upsi.edu.my/kemasukan/tawaran](http://www.upsi.edu.my/kemasukan/tawaran) bermula pada **03 Februari 2015 (Selasa)**.

#### 7. Kenderaan Pelajar

Saudara/i yang hendak menggunakan motosikal, hanya motosikal yang berkuasa 110cc ke bawah sahaja dibenarkan. Penggunaan kereta sendiri tidak digalakkan kerana masalah kesesakan dalam kampus.



## PERSEDIAAN SEBELUM MELAPOR DIRI

### 1. Pemeriksaan Kesihatan

Saudara/i **WAJIB** menghantar **Borang Pemeriksaan Kesihatan** pada **hari pendaftaran** di **Kaunter Pusat Kesihatan** dan bagi saudara/i yang mempunyai masalah untuk menyediakan laporan pemeriksaan kesihatan anda boleh menghantarnya sebelum atau pada **13 Februari 2015 (Jumaat)** di Pusat Kesihatan UPSI.

### 2. Bayaran Yuran Pendaftaran

- 2.1 Saudara/i **WAJIB** menjelaskan bayaran yuran tersebut melalui mana-mana cawangan **Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)** yang berdekatan dengan mengemukakan **kad pengenalan** dan **surat tawaran kemasukan *online***. **Tiada kaunter pembayaran yuran akan dibuka pada hari pendaftaran. (Bayaran minimum adalah sebanyak RM1000.00)**
- 2.2 Sekiranya saudara/i menghadapi sebarang masalah mengenai pembayaran, sila hubungi **Unit Akaun Pelajar & Kolej, Jabatan Bendahari** di talian **05-4506309/6551/6906 @ 015-4811 7744/7738/7733/7755**.
- 2.3 Jika saudara/saudari ingin menarik diri dari pengajian. Berikut adalah kadar bayaran balik yuran berdasarkan keputusan Mesyuarat JKTK, Bil 34 Kali ke-98:
  - Sepanjang minggu orientasi (4 hari) – 100% yuran-yuran kecuali yuran pendaftaran.
  - Tidak lebih dari 60 hari dari tarikh daftar – 50% yuran-yuran kecuali yuran pendaftaran.
  - Lebih 60 hari – tiada bayaran balik.

### 3. Persediaan Pakaian dan Keperluan Lain

Saudara/i dikehendaki membawa pakaian dan keperluan berikut:

#### 3.1 Pakaian semasa melapor diri

- 3.1.1.Lelaki : berpakaian kemas (baju T, jeans, selipar/ 'sandal' tidak dibenarkan)
- 3.1.2.Perempuan : berpakaian kemas dan sopan (baju T, jeans,selipar/sandal tidak dibenarkan)





Pelajar dinasihati **TIDAK** memakai pakaian berwarna biru (baju kemeja/baju kurung/tudung) biru **semasa hari pendaftaran** (Program Ijazah Sarjana Muda).

Tindakan di atas dibuat untuk memenuhi spesifikasi urusan teknikal ICT semasa proses 'mengambil' gambar untuk kad matrik (latar belakang kad matrik berwarna biru (Program Ijazah Sarjana Muda). Bagi pelajar yg belum memuatnaik (upload) gambar seperti arahan di muka surat 2 ; perkara 8.

### 3.2 Pakaian kuliah/tutorial dan urusan rasmi universiti (mengikut Kod Etika Pakaian Universiti)

3.3.1. Lelaki : pakaian pejabat/bertali leher

3.3.2. Perempuan : pakaian kemas dan sopan

## 4. Pakaian semasa membaca ikrar

Saudara/i **WAJIB** membawa & memakai pakaian yang telah ditetapkan oleh Universiti semasa membaca ikrar (**disediakan sendiri oleh pelajar**).

### 4.1 Pelajar Muslim

#### 4.1.1 Lelaki

- Pakaian Baju Melayu lengkap berwarna hitam;
- Songkok hitam sahaja (kopiah/ketayap, serban, songkok 'raihan' dan seumpamanya tidak dibenarkan);
- Samping songket hitam berbenang emas;
- Kasut kulit hitam (bukan kasut sukan/sandal)

#### 4.1.2 Perempuan

- Baju kurung berwarna putih dan tudung berwarna putih;
- Berkain hitam labuh untuk dipakai bersama baju kurung ;
- Kasut kulit hitam (bukan kasut sukan) yang menutup jari dan lereng kaki dan tumit

### 4.2 Pelajar bukan Muslim

#### 4.2.1 Lelaki

- Suit hitam
- Baju kemeja putih berlengan panjang dan berseluar 'slack' hitam
- Tali leher ;
- Stokin hitam'
- Kasut kulit hitam (bukan kasut sukan/sandal).

*Atau*

- Boleh memilih berpakaian seperti pelajar Muslim

#### 4.2.2 Perempuan

- Baju kurung berwarna putih;
- Berkain hitam labuh untuk dipakai bersama baju kurung ;
- Kasut kulit hitam (bukan kasut sukan) yang menutup jari dan lereng kaki dan tumit.

### 5. Gambar

Menyediakan sepuluh (10) keping gambar berwarna yang terbaru berukuran pasport. **Semua dokumen yang telah lengkap hendaklah diserahkan seperti arahan berikut:**

- 5.1 satu (1) keping gambar untuk dilekatkan (*digam*) pada **Fail Pelajar** Fakulti yang akan diberikan oleh pihak Fakulti. **Sila hantar ke Pejabat Am Fakulti di fakulti masing-masing.**
- 5.2 satu (1) keping gambar untuk dilekatkan (*digam*) pada **Borang Biodata (B1)** yang telah di sediakan dalam web Maklumat AM. **Sila hantar masukkan borang ini ke dalam Sampul A** seperti arahan di muka surat 10 perkara 6.
- 5.3 dua (2) keping gambar untuk dilekatkan (*digam*) pada **Borang Pemeriksaan Kesihatan**. **Sila serahkan borang yang telah lengkap di Kaunter Pusat Kesihatan UPSI pada.**
- 5.4 satu (1) keping gambar untuk dilekatkan (*digam*) pada **Borang Kolej Kediaman**. **Serahkan di Pejabat Am Kolej Kediaman masing-masing atau di Unit Kolej Kediaman, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni.**
- 5.5 selebihnya lima (5) keping gambar adalah untuk **simpanan pelajar & kegunaan aktiviti lain.**





## 6 Sijil dan Salinan Sijil

Saudara/i **diWAJIBKAN**

- 6.1 membawa sijil-sijil asal dan **salinan sijil-sijil akademik/dokumen lain yang telah disahkan**, hanya sijil-sijil/dokumen yang disahkan sahaja diterima untuk urusan pendaftaran. Sila masukkan **SATU SALINAN SAHAJA** sijil-sijil berikut ke dalam **satu (1) sampul surat** berukuran **A4** untuk diserahkan pada Program Orientasi Pelajar. Slot penyerahan sampul ini akan dimaklumkan kemudian.




**\* Semua salinan mestilah disahkan oleh Pegawai Kumpulan A (Pegawai Kerajaan yang mempunyai Ijazah)**

SAMPEL	DOKUMEN	TINDAKAN
<p><b>SAMPUL A (AKADEMIK)</b> A4 Size</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 10px; text-align: center;"> <p><b>SAMPUL A AKADEMIK</b></p> <p><b>Che Ah Binti Che Nin</b> <b>821005026036</b> <b>D2013100XXXX</b></p> </div>	<p>i. 1 Salinan Kad Pengenalan (dipaling disudut atas kiri)</p> <div style="display: flex; justify-content: space-around;">   </div> <p>ii. 1 Salinan kad OKU (jika berkenaan)</p> <p>iii. 1 Salinan Surat Beranak/Sijil Lahir</p> <p>iv. 1 Salinan Surat Tawaran</p> <p>v. Borang Biodata Pelajar (B1) yang lengkap diisi</p> <p>vi. 1 Salinan Sijil SPM</p> <p>vii. 1 Salinan Sijil STPM/STAM</p> <p>viii. 1 Salinan Diploma dan Transkrip (bagi lepasan Diploma sahaja)</p> <p>ix. 1 Salinan Sijil Matrikulasi dan Transkrip (bagi lepasan Matrikulasi sahaja)</p> <p>x. 1 Salinan Sijil MUET</p> <p>xi. Borang Perakuan Penerimaan Tawaran</p> <p>xii. Borang Perakuan Pelepasan Tuntutan Penempatan</p> <div style="display: flex; justify-content: center; gap: 20px;">   </div> <p><b>* Semua salinan mestilah disahkan oleh Pegawai Kumpulan A (Pegawai Kerajaan yang mempunyai Ijazah)</b></p>	<p>Saudara/i dikehendaki :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Memasukkan kesemua dokumen di sebelah mengikut susunan di dalam sampul.</li> <li>Labelkan sampul dengan label SAMPUL A (AKADEMIK) di sudut atas kanan sampul.</li> <li>Catatkan nama, no. K/P dan No. Pendaftaran Pelajar (No. Matriks) di tengah sampul surat.</li> </ol> <p><b>* Semua salinan mestilah disahkan oleh Pegawai Kumpulan A (Pegawai Kerajaan yang mempunyai Ijazah)</b></p>

## 7. Pembukaan Akaun Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)

- 7.1. Semua pelajar dikehendaki membuka akaun Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dan menyerahkan satu salinan muka pertama Buku Bank /Slip Pembukaan Akaun di Kaunter Unit Kewangan Pelajar dan Kolej, Jabatan Bendahari UPSI.
- 7.2. Bagi pelajar yang telah mempunyai akaun BIMB sebelum ini tidak perlu lagi membuka akaun baru.

SAMPEL	DOKUMEN	TINDAKAN
<p>SAMPUL B</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 10px; text-align: center;"> <p><b>SAMPUL B AKAUN BANK</b></p> <p><b>Che Ah Binti Che Nin</b> 821005026036 D2013100XXXX</p> </div>	<p>Salinan buku bank/slip pembukaan akaun BIMB.</p> <p>Contoh:</p> 	<p>Saudara/i dikehendaki :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Labelkan sampul dengan label SAMPUL B (AKAUN BANK) di sudut atas kanan sampul.</li> <li>2. Catatkan nama, no. K/P dan No. Pendaftaran Pelajar (No. Matriks) di tengah sampul surat</li> </ol>

## 8. Bantuan Kewangan

- 8.1 Saudara/i boleh memohon bantuan kewangan daripada agensi atau pertubuhan lain seperti Kementerian Pelajaran Malaysia, Yayasan-yayasan Negeri, Bank atau Institusi Kewangan, kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan sebagainya.
- 8.2 Borang Pengesahan pembayaran yuran bagi permohonan mengeluarkan wang melalui **Skim Pengeluaran Pendidikan KWSP** boleh didapati di Kaunter Unit Akaun Pelajar, Jabatan Bendahari.
- 8.3 Walau bagaimanapun borang bagi pengeluaran wang KWSP hanya boleh didapati di cawangan-cawangan KWSP sahaja.
- 8.4 Untuk maklumat lanjut, saudara/i boleh merujuk kepada **Unit Kewangan dan Kebajikan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar** di talian 05-4505334/5335

## PENDAFTARAN DAN URUSAN LAIN

### 1. PENDAFTARAN

Saudara/i dikehendaki mendaftar diri pada tarikh, tempat dan masa yang dinyatakan dalam **Surat Tawaran (Online)**. Saudara/i wajib membawa Surat Tawaran (online) untuk tujuan pengesahan sepanjang hari pendaftaran berlangsung.

### 2. PENDAFTARAN KOLEJ

Saudara/i dikehendaki ke **Kaunter Kolej** untuk urusan pendaftaran kolej. Sila bawa bersama **Borang Permohonan Penginapan Kolej Kediaman (B2)** untuk diserahkan kepada pihak kolej.

### 3. PEMBAYARAN YURAN

Saudara/i **WAJIB** membuat pembayaran yuran di mana-mana Cawangan Bank Islam mulai **28 Januari 2015 (Rabu)**. Sila bawa dan serahkan bersama **Sampul B (rujuk m/s 11)** ke Unit Kewangan Pelajar dan Kolej, Jabatan Bendahari.

### 4. URUSAN KAD MATRIKS PELAJAR

Saudara/i **WAJIB** memuatnaik (upload) gambar berukuran paspot anda di url <http://umpc.upsi.edu.my> untuk urusan kad matrik **sebelum 5 Februari 2015 (Khamis)**. Panduan untuk memuatnaik (upload) gambar telah disediakan dalam url tersebut.


### 5. SERAHAN BORANG PEMERIKSAAN KESIHATAN

Saudara/i **WAJIB menghantar** Borang Pemeriksaan Kesihatan **pada hari pendaftaran** di Kaunter Pusat Kesihatan dan bagi saudara/i yang mempunyai masalah untuk menyediakan laporan pemeriksaan kesihatan anda boleh menghantarnya sebelum atau pada **13 Februari 2015 (Jumaat)** di Pusat Kesihatan UPSI.

## PANDUAN KE TANJONG MALIM

1. Bagi saudara/i yang tiba dengan penerbangan, bolehlah datang ke Kampus Universiti Pendidikan Sultan Idris dengan menaiki teksi atau bas dari Lapangan Terbang. Kadar tambang teksi dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang adalah dalam anggaran RM140.00.
2. Bagi saudara/i yang datang dari arah utara, selatan dan timur boleh menggunakan sama ada jalan biasa atau Lebuhraya PLUS dan keluar di persimpangan Tol Tanjong Malim. Jarak Kampus dari Tol Tanjong Malim ialah lebih kurang 8 km.
3. Bagi saudara/i yang datang dengan keretapi, jarak perjalanan dari stesen keretapi ke kampus hampir lima kilometer (5 km). Sila lihat peta panduan yang disertakan.

### LOKASI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (KAMPUS SULTAN AZLAN SHAH, PROTON CITY)



~ UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS ~

~Sultan Idris Education University~

## PERTANYAAN

Sekiranya saudara/i mempunyai kemusykilan mengenai tawaran ini sila hubungi:

Pejabat	Perkara	No.Telefon
Bahagian Hal Ehwal Akademik	- Surat Tawaran - Tarikh Lapor Diri - Jadual Kuliah	05-4506930/6932/6929 <hr/> 05 – 4506991/6992/6923
Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP)	- Kolej Kediaman	015-4811 7886/7885/7880 / 7881
	- Kewangan, Kebajikan dan Pinjaman PTPTN	05-4505439/5440
	- MSK - Sabah/Sarawak	015-48117835
	- Pemeriksaan Kesihatan X-Ray	05- 4506668
Bendahari	- Yuran - Kewangan	05- 4506309 05- 4506551 05-4506906

### MAKLUMAN PENTING!!!!

Kesesakan kenderaan ibu bapa/pelajar baharu di tempat pendaftaran akan berlaku kerana jumlah kemasukan yang ramai. Kawasan parkir kenderaan di kolej kediaman juga amat terhad. **Berkongsi kenderaan untuk datang mendaftar amat digalakkan.** Kesabaran dan kerjasama daripada pihak tuan/puan amat dihargai.